

HUBUNGAN MENTAL DAN FISIK
DALAM PENYUJIAN HOTEL

MUKMINAH BINTI DARUS

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2009

HUBUNGAN KEUTAMAAN INTUISYENISTIK DALAM PEMILIHAN HOTEL

Oleh
MUKMINAH BINTI DARUS

Projek Ilmiah Tahun Akhir ini diserahkan untuk memenuhi
sebahagian keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)

JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
2009

1100076411



**JABATAN MATEMATIK
FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499 B

Adalah ini diakui dan disahkan bahawa laporan penyelidikan bertajuk Hubungan Keutamaan Intuisyenistik Dalam Pemilihan Hotel oleh Mukminah Binti Darus No. Matriks: UK14299 telah diperiksa dan semua pembetulan yang disarankan telah dilakukan. Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Matematik sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Kewangan, Fakulti Sains dan Teknologi, UMT.

Disahkan oleh:

Penyelia Utama

Nama: Che Mohd Imran Che Taib, MSc.

Cop Rasmi: **CHE MOHD IMRAN BIN CHE TAIB**
Pensyarah
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu.

Tarikh: 7 Mei 2009

Ketua Jabatan Matematik

Nama: Mustafa Bin Mamat, PhD.


Cop Rasmi:

Tarikh: 7/5/09

DR. HJ. MUSTAFA BIN MAMAT
Ketua
Jabatan Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Terengganu

PENGAKUAN

Saya mengakui Projek Ilmiah Tahun Akhir yang bertajuk Hubungan Keutamaan Intuisyenistik Dalam Pemilihan Hotel adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan :.....
Nama : Mukminah Binti Darus
No. Matriks : UK14299
Tarikh : 7 Mei 2009

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur kehadrat Ilahi di atas limpah dan kurniaNya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian saya dan dapat menyiapkan laporan penuh Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA).

Segunung ucapan terima kasih kepada Encik Che Mohd Imran Bin Che Taib selaku Penyelia PITA kerana banyak memberi tujuk ajar dan memberi maklumat tentang set kabur, set kabur intuisyenistik, dan banyak lagi. Beliau juga banyak memberi tunjuk ajar bagaimana untuk mencari maklumat melalui internet dan juga daripada sumber-sumber yang lain. Selain itu, Beliau juga banyak memberi kata-kata peransang untuk membangkitkan semangat dalam menyiapkan PITA.

Sekalung ucapan terima kasih juga diberikan kepada Puan Azlida binti Aleng @ Muhammad selaku Penyelaras PITA kerana banyak memberi maklumat terkini tentang PITA. Beliau juga banyak memberi tunjuk ajar dalam menyiapkan PITA.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada Hj. Abdul Halim bin Awang, Pn. Nik Norfalina binti Nik Hassan dan Norhanida bte Awang @ Kasani kerana memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik yang dijalankan. Mereka menjawab soal selidik dengan hati yang terbuka dan tanpa banyak kerengah. Mereka juga memberi kata semangat vdan sokongan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sanggup berkongsi idea, maklumat dan ilmu yang mereka ada. Mereka juga banyak memberikan kata-kata semangat untuk saya menyiapkan PITA ini. Juga kepada ibubapa yang banyak memberi sokongan dan galakkan selama ini.

Akhir kalam daripada saya, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menyiapkan projek penyelidikan ini. Segala kepayahan dan kesukaran dalam menyiapkan PITA akan dijadikan pengalaman dan pedoman.

Sekian, Wassalam.

Mukminah Binti Darus
Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)

HUBUNGAN KEUTAMAAN INTUISYENISTIK DALAM PEMILIHAN HOTEL

ABSTRAK

Pembuatan keputusan adalah cukup penting untuk kesempurnaan di dalam kehidupan. Begitu halnya dalam pemilihan hotel yang memerlukan proses pembuatan keputusan supaya keputusan yang terhasil adalah tepat dan berkesan. Justeru, kajian ini mencadangkan satu kaedah pembuatan keputusan pemilihan hotel yang efektif melalui pendekatan set kabur intuisyenistik dengan mempertimbangkan kriteria keselesaan, perkhidmatan, harga, kemudahan dan keselesaan. Set kabur intuisyenistik dicirikan oleh fungsi keahlian dan fungsi bukan keahlian. Seterusnya satu pendekatan dibangunkan dengan membuat kaedah pembuatan keputusan berdasarkan hubungan-hubungan keutamaan intuisyenistik dengan operator purata aritmetik kabur intuisyenistik dan operator purata aritmetik kabur intuisyenistik berpemberat yang digunakan untuk mengagregatkan maklumat keutamaan intuisyenistik. Fungsi skor dan fungsi tepat juga digunakan untuk menilai kedudukan dalam proses pemilihan alternatif-alternatif. Fungsi skor yang lebih besar menunjukkan alternatif yang lebih diutamakan, manakala nilai fungsi tepat yang lebih besar merupakan alternatif yang paling tidak diutamakan. Hasil kajian mendapati hotel yang menyediakan perkhidmatan terbaik, keselesaan dan keselamatan yang rapi dengan harga yang rendah adalah lebih diutamakan berbanding hotel yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan harga yang lebih tinggi. Pendekatan set kabur intuisyenistik dilihat mampu menyelesaikan masalah pemilihan hotel.

INTUITIONISTIC PREFERENCE RELATIONS IN HOTEL SELECTION

ABSTRACT

Decision making is important for life perfection. Likely in hotel selection need decision making process to give the best and accurate result. Hence, this research suggests decision making method for hotel selection throughout an intuitionistic fuzzy set approach while considering the criteria such as comfort, service, price, facilities and safety. Intuitionistic fuzzy set is characterized by membership function and non-membership function. After that, an approach based on intuitionistic preference relations is developed where intuitionistic fuzzy arithmetic averaging operator and intuitionistic fuzzy weighted arithmetic averaging operator are used in aggregating the intuitionistic preference information. Score function and accuracy is also be used for ranking and selection of alternatives. The greater score function value show the more preferred alternative, whenever greater accuracy function value describe the most not preferred. The results show that the hotel which provides the best service, comfort and safety with lower price is more preferred compared to the hotel that have almost same criteria with higher price. An intuitionistic fuzzy set approach can afford to solve hotel selection problem.

KANDUNGAN

	Halaman
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN DAN PENGESAHAN LAPORAN MAT 4499 B	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif	6
1.4 Skop Kajian	6
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	7
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Teori Set Kabur	10
3.2 Teori Set Kabur Intuisyenistik	11
3.3 Ulasan Hubungan Keutamaan	12
3.4 Hubungan Keutamaan Intuisyenistik	14
3.5 Pendekatan bagi pembuatan keputusan berkumpulan berdasarkan hubungan-hubungan keutamaan intuisyenistik	19
BAB 4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	21
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	32
5.2 Cadangan	33
RUJUKAN	35
LAMPIRAN	37
BIODATA PENULIS	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Keputusan keseluruhan dan susunan alternatif mengikut yang terbaik	31

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
3.1	Fungsi keahlian set kabur	11

SENARAI SINGKATAN

Singkatan

DM	Pembuat Keputusan
HAS	Sistem Laporan Hotel

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Borang Soal Selidik Kajian Tinjauan Pemilihan Hotel	37

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Proses membuat keputusan adalah proses yang amat penting untuk kesempurnaan di dalam penyelesaian masalah. Proses membuat keputusan ini boleh wujud sama ada di dalam bidang pengurusan dan sains dan teknologi, juga dihadapi oleh setiap individu. Proses membuat keputusan bagi individu ialah sama ada keputusan tentang diri sendiri, keluarga, di rumah dan juga di tempat kerja. Kadang-kala kehidupan kita boleh dikatakan terdiri daripada beribu-ribu keputusan, baik kecil mahupun yang lebih besar.

Keputusan merujuk kepada pilihan yang dibuat melalui pelbagai alternatif yang sedia ada. Pilihan pula merupakan suatu fungsi kepada objektif pembuat keputusan tadi. Maka dalam penilaian alternatif untuk dipilih, pembuat keputusan juga berminat untuk mengetahui akibat daripada tindakan, iaitu kesan daripada pilihan yang dibuatnya itu. Pilihan juga melibatkan elemen ketidakpastian.

Pembuatan keputusan merupakan proses mengenalpasti masalah atau peluang dan mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Proses membuat keputusan merupakan proses yang paling penting untuk kesempurnaan dalam semua bidang. Keputusan boleh dibuat oleh setiap orang tetapi keputusan yang dibuat itu terlalu biasa dan belum tentu ketepatannya dan kesahihannya.

Tujuan kita mengadakan pembuatan keputusan adalah untuk memberi pendedahan kepada teknik-teknik penyelesaian masalah dan mengutarakan cara pembuatan keputusan secara individu dan berkumpulan.

Terdapat dua penilaian di dalam proses pembuatan keputusan iaitu secara kaedah lembut dan kaedah kasar. Kaedah membuat keputusan secara lembut adalah pembuatan keputusan yang dibuat secara subjektif, kualitatif, menggunakan logik yang tidak rasmi dan berbentuk jangka panjang. Manakala membuat keputusan secara kaedah kasar pula adalah hanya secara objektif, kuantitatif, yang mana menggunakan logik yang rasmi serta berbentuk jangka pendek.

Pembuatan keputusan berkumpulan pula didefinisikan sebagai pembuatan keputusan dalam kumpulan yang mempunyai pelbagai atau banyak bahagian atau unsur. Cabaran dari keputusan berkumpulan ialah bagi menentukan apakah tindakan yang harus kumpulan ambil. Terdapat berbagai-bagai sistem atau cara yang telah direncanakan bagi menyelesaikan masalah pembuatan keputusan berkumpulan ini.

Secara amnya, proses membuat keputusan berkumpulan merupakan proses yang paling penting untuk kesempurnaan dalam setiap masalah yang dihadapi. Keputusan berkumpulan merujuk kepada pemilihan yang dibuat melalui pelbagai alternatif yang sedia ada berdasarkan kriteria-kriteria yang munasabah untuk dipertimbangkan oleh pembuat keputusan yang melebihi daripada seorang. Bagi mengatasi masalah dalam pembuatan keputusan berkumpulan, penggunaan set kabur telah digunakan. Teori set kabur diperkembangkan bagi menyelesaikan masalah pembuatan masalah.

Teori set kabur telah diperkenalkan oleh Zadeh pada tahun 1965 bagi mengatasi keterbatasan teori set biasa yang hanya mengambil nilai dedua iaitu $\{0,1\}$. Teori set kabur memodifikasikan teori set lazim dengan memperkenalkan konsep keahlian kabur. Dengan itu, keahlian sesuatu unsur dalam sesuatu set itu mempunyai nilai yang selanjar, yang berada di antara keahlian mutlak dan bukan keahlian mutlak.

Jika diperhatikan secara teliti, teori set biasa memerlukan sesuatu peristiwa itu mempunyai takrif yang jelas dan nyata sebelum dapat diselesaikan. Ia agak terbatas terutamanya yang melibatkan pengetahuan manusia dalam mentaksir sesuatu masalah.

Set kabur intuisyenistik digunakan adalah kerana penggunaan teori set biasa agak terbatas penggunaannya dan tidak mampu untuk membantu menyelesaikan sesuatu masalah yang rumit secara tepat.

Oleh kerana terlalu sukar di dalam membuat keputusan, maka amat sesuai untuk mengeluarkan idea nilai-nilai keutamaan proses membuat keputusan dengan penggunaan nilai-nilai set kabur intuisyenistik juga daripada nilai-nilai berangka yang tepat atau pembolehubah-pembolehubah linguistik. Dengan ini alternatif-alternatif yang terbaik dapat diperolehi.

Lebih berdekot terakhir ini, teori set kabur intuisyenistik telah digunakan oleh banyak bidang berbeza, seperti proses membuat keputusan, pengaturcaraan mantik, topologi, analisis perubatan (De *et al.*, 2001), contoh pengenalan, pembelajaran mesin dan peramalan pasaran (Liang & Shi, 2003), serta lain-lain lagi. Set kabur intuisyenistik, berunsur fungsi keahlian dan bukan fungsi keahlian. Teori set kabur intuisyenistik telah di perkenalkan oleh Atanassov (1986; 1999).

Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mencari alternatif yang terbaik daripada alternatif-alternatif yang sedia ada. Di dalam kajian ini, satu kaedah dibangunkan untuk kumpulan pembuatan keputusan berdasarkan hubungan-hubungan keutamaan intuisyenistik, di mana operator purata aritmetik kabur intuisyenistik dan operator purata aritmetik berpemberat kabur intuisyenistik digunakan untuk mengagregat maklumat intuisyenistik yang diberi keutamaan, dan fungsi skor dan fungsi tepat adalah digunakan untuk kedudukan dan pemilihan alternatif-alternatif.

Ngai dan Wat (2003) pula telah melakukan kajian tentang pemilihan hotel. Kajian tentang pemilihan hotel tersebut ialah dengan menggunakan sistem pakar kabur. Sistem pakar kabur ialah sistem pakar yang menggunakan logik kabur untuk menggantikan logik boolean. Di dalam kajian ini juga telah menyenaraikan dan menerangkan faktor-faktor untuk pemilihan hotel. Faktor pertama yang dinyatakan ialah tentang kesesuaian harga. Kesesuaian harga menunjukkan darjah kesesuaian pada harga di antara harga hotel dan harga yang dikehendaki pelanggan. Faktor seterusnya ialah kesesuaian kemudahan. Kesesuaian kemudahan adalah menunjukkan darjah kesesuaian pada kemudahan di antara kemudahan hotel dan kemudahan yang

diingini oleh pelanggan. Faktor yang terakhir kesesuaian jenis makanan. Kesesuaian jenis makanan menunjukkan darjah kesesuaian pada jenis makanan di antara jenis makanan di hotel dan jenis makanan yang dikehendaki.

Di dalam kajian tersebut, sistem pakar kabur dinamakan sistem laporan hotel (HAS) telah direka bentuk dan dibina untuk kemudahan pemilihan hotel. Terdapat sebelas fasa dalam membina HAS iaitu mengenalpasti faktor kritikal dan menjelaskan fungsi keahlian dan set kabur, membentuk peraturan-peraturan kabur, melaksanakan pengkaburan, menghasilkan kesimpulan kabur, melaksanakan penyahkaburan, membandingkan perkadaran keseluruhan untuk semua hotel yang berpotensi, membentuk rangka konsep, membangunkan sistem seni bina, menganalisa dan mereka bentuk sistem, membangunkan sistem prototaip dan memerhati dan menilai sistem.

Kertas ini akan mengkaji tentang masalah dalam pemilihan hotel. Mungkin ada sesetengah pihak menganggap pemilihan hotel untuk penginapan dan bermalam adalah perkara yang remeh dan biasa. Tetapi ia adalah penting kerana seseorang haruslah memilih hotel yang boleh membuatnya tidak tertekan dengan keadaan sekeliling dan memberikan keselesaan yang sepenuhnya. Semasa membuat keputusan untuk memilih hotel untuk menginap, seseorang itu haruslah melihat kepada kriteria-kriteria yang ada di dalam hotel tersebut. Contohnya kemudahan di dalam hotel dan sebagainya.

1.2 Pernyataan Masalah

Melakukan pembuatan keputusan merupakan ciri yang memainkan suatu peranan penting dalam kehidupan setiap manusia. Setiap tindakan yang diambil oleh setiap individu memiliki latar belakang yang mendalam dari sebuah proses pembuatan keputusan itu sendiri. Ini menunjukkan pelbagai keputusan yang dilakukan seseorang menunjukkan kekuatan dirinya. Akan tetapi manusia tidak mempunyai cukup waktu untuk meneliti dan mencermati semua aspek dari suatu situasi ke suatu situasi untuk membuat keputusan yang tepat. Kadang-kadang seseorang itu harus mengambil tindakan seketika yang dapat meningkatkan kehidupan atau malah menghancurkan kehidupannya, kerana manusia tak mampu menggunakan seluruh sumber dayanya.

Individu juga tidak memiliki cukup waktu untuk menganalisis bahagian yang benar dan yang tidak, yang tepat dan yang kurang tepat. Oleh sebab itu, seseorang itu hanya mendapatkan suatu pandangan dan gambaran yang luas dan sekilas mengenai akibat dari tindakan tertentu.

Masalah utama seseorang yang membuat keputusan adalah mereka tidak pasti dengan keputusan yang dibuat. Masalah ketidakpastian yang wujud dalam proses membuat keputusan merupakan masalah harus diatasi dengan mencari alternatif-alternatif yang terbaik untuk mengatasinya. Masalah untuk mencari alternatif yang terbaik boleh diselesaikan dengan menggunakan teori set kabur intuisyenistik. Bagi mencari alternatif-alternatif yang terbaik menggunakan set kabur intuisyenistik, fahaman terhadap teori set kabur intuisyenistik haruslah jelas. Beberapa operator digabungkan untuk mendapatkan kedudukan dan pemilihan alternatif.

Bila dipertimbangkan bahawa dalam situasi kehidupan sebenar, seseorang yang membuat keputusan mungkin tidak dapat mengeluarkan idea-idea yang diberi keutamaan kepada alternatif-alternatifnya dengan jelas. Ini adalah disebabkan oleh seseorang itu mungkin tidak memiliki tahap pengetahuan yang cukup atau tepat terhadap masalah yang dihadapi. Seseorang yang membuat keputusan adalah tidak mampu untuk membezakan dengan jelas darjah di mana satu alternatif adalah lebih baik daripada alternatif-alternatif yang lain. Dalam kes seperti ini, pembuatan keputusan boleh memberikan seseorang yang membuat keputusan alternatif-alternatif yang diberi keutamaan pada peringkat tertentu, tetapi mungkin seseorang yang membuat keputusan tersebut tidak begitu pasti tentang proses membuat keputusan tersebut.

Ramai yang menganggap di dalam pemilihan hotel adalah perkara remeh dan biasa. Ini adalah merupakan masalah bagi pelancong dan sesiapa sahaja yang ingin menginap di hotel. Dan untuk memilih hotel yang terbaik pula adalah satu lagi masalah bagi seseorang. Oleh itu, kajian ini akan merungkai kepayahan untuk memilih hotel.

Kajian ini menggunakan operator purata aritmetik kabur intuisyenistik dan operator purata aritmetik berpemberat kabur intuisyenistik bagi mendapatkan alternatif yang terbaik daripada alternatif-alternatif yang sedia ada.

1.3 Objektif

Objektif kepada kajian ini dapat diringkaskan seperti berikut:

- 1.3.1 Membangunkan kaedah pembuatan keputusan berkumpulan berdasarkan hubungan keutamaan kabur intuisyenistik.
- 1.3.2 Mencari alternatif terbaik di dalam masalah pemilihan hotel menggunakan kaedah yang dibangunkan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dilakukan ke atas empat buah hotel yang berada di sekitar Kuala Lumpur sahaja. Hotel-hotel itu dipilih berdasarkan tempat yang strategik dan berhampiran dengan pusat bandar.

Kajian ini juga akan menggunakan tiga pembuat keputusan (DM), yang mana DM tersebut dipilih berdasarkan pengalaman dan kekerapan dalam penginapan di hotel. DM tersebut mempunyai latar belakang peribadi yang berbeza dan tujuan menginap di hotel juga berbeza-beza.

Kriteria-kriteria yang dilihat dan dititik beratkan dalam pemilihan hotel ini pula ialah berdasarkan lima kriteria. Lima kriteria tersebut ialah dari sudut keselesaan, perkhidmatan yang diberikan (dari sudut layanan), harga, kemudahan yang terdapat di dalam hotel (juga di luar hotel) dan tahap keselamatan di dalam hotel.

DM akan membuat penilaian terhadap empat hotel tersebut berdasarkan hubungan keutamaan intuisyenistik. DM juga akan menilai berdasarkan lima kriteria-kriteria yang telah di sebut di atas.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

Secara amnya, proses membuat keputusan merupakan proses yang paling penting untuk kesempurnaan dalam setiap masalah yang dihadapi. Ada yang menganggap pembuatan keputusan adalah sebagai satu yang setara atau sama dengan keseluruhan proses di dalam pengurusan.

Set kabur telah diperkenalkan oleh Zadeh (1965) sebagai satu sambungan kepada fahaman set yang bersifat klasik. Dalam set teori yang bersifat klasik, unsur-unsur keahlian dalam satu set ialah ditaksirkan dalam batas binari menurut kepada keadaan bivalen. Keadaan bivalen ialah satu unsur samada kepunyaan atau bukan kepunyaan kepada set. Pada beberapa dekad berikutnya, teori set kabur telah dipelajari dan diperkembangkan serta juga aplikasinya telah berjaya dalam pelbagai bidang. Set kabur ialah unsur-unsur set mempunyai darjah keahlian. Keahlian dinilai dalam selang unit sebenar $[0,1]$. Selain itu, teori set kabur juga berupaya menyelesaikan masalah kepelbagaian atribut pembuatan keputusan dari pelbagai individu (Chiclana *et al.*, 1998).

Bagi Muhammad Mat Yusof dan Abdul Aziz Jemain (2004) pula telah menggunakan pendekatan kabur untuk mengenal pasti kriteria-kriteria yang mempengaruhi pelajar dalam memilih pengajian tinggi awam (IPTA). Kajian ini telah menggunakan teori set kabur dan hubungan kecenderungan kabur bagi menyelesaikan masalah pemilihan IPTA.

Xu (2005) telah membuat kajian mengukur sisihan hubungan keutamaan linguistik di dalam pembuatan keputusan berkumpulan. Di dalam kajian tersebut telah membuat penelitian masalah pembuatan keputusan dengan hubungan keutamaan. Kajian ini

juga telah menunjukkan kombinasi pemberat adalah hubungan keutamaan linguistik. Seterusnya, kajian ini telah mentakrifkan konsep darjah sisihan dan darjah kesamaan di antara dua nilai linguistik, dan darjah sisihan dan darjah kesamaan di antara dua hubungan keutamaan intuisyenistik.

Atanassov (1986; 1999) memperkenalkan konsep set kabur intuisyenistik dicirikan oleh fungsi keahlian dan bukan fungsi keahlian. Yang mana, kesimpulan umum bagi set kabur telah diberikan oleh Zadeh (1965). Gau dan Buehrer (1993) telah memperkenalkan konsep set samar. Tetapi Bustince dan Burillo (1996), telah dapat membuktikan bahawa set samar itu ialah set kabur intuisyenistik.

Chen dan Tan (1994) menunjukkan satu teknik untuk pengendalian membuat keputusan berbilang kriteria berdasarkan kepada set kabur. Mereka menyediakan satu fungsi skor untuk mengukur darjah kesesuaian bagi setiap alternatif berkenaan dengan satu kriteria set dibentangkan oleh nilai-nilai kabur.

Kemudian, Hong dan Choi (2000) mencadangkan satu teknik yang lebih baik berdasarkan fungsi skor dan fungsi tepat untuk membuat keputusan berbilang kriteria kabur dengan set kabur. Mereka menggunakan fungsi skor untuk mengukur darjah kesesuaian dan menggunakan fungsi ketepatan untuk mengukur darjah ketepatan dalam peringkat keanggotaan setiap alternatif berkenaan dengan set kriteria dikemukakan oleh nilai-nilai kabur.

Szmidt dan Kacprzyk (1996; 2004) telah menggunakan set kabur intuisyenistik untuk menyelesaikan masalah-masalah pembuatan keputusan berkumpulan. Atanassov (2002) pula, telah mencadangkan kabur intuisyenistik menerangkan berbilang orang berbilang kriteria dalam pembuatan keputusan. Gabriella (2004) telah membangunkan satu model bersih yang umum berbilang orang berbilang kriteria proses membuat keputusan berdasarkan kepada graf-graf kabur intuisyenistik.

Atanassov dan Georgiev (1993) telah menyediakan satu sistem pengaturcaraan logik, yang mana menggunakan teori set kabur intuisyenistik untuk menghasilkan pelbagai model ketidakpastian, dan menganggap pembiakkan ketidakpastian masalah melalui kesimpulan logik dan penerangan pelbagai model. Rangka kerja yang dibincangkan

membenarkan gambaran pengetahuan dan kesimpulan bawah ketidakpastian dalam bentuk peraturan yang sesuai untuk sistem-sistem pakar.

De *et al.* (2001) mengkaji pendekatan bagi Sanchez menganalisis perubahan menggunakan set kabur intuisyenistik. Di dalam kajian tersebut, kaedah dalam menganalisis perubahan intuisyenistik termasuklah hubungan-hubungan kabur intuisyenistik. Li dan Cheng (2002), Liang dan Shi (2003), Hung dan Yang (2004), serta Wang dan Xin (2005) telah memperkenalkan suatu pengukuran set kabur intuisyenistik yang sama dan telah menggunakan pengukuran tersebut untuk pola pengenalan.

Manakala, Xu dan Yager (2006) pula telah mengembangkan suatu operator penerimaan geometrik berdasarkan kepada set kabur intuisyenistik, dan telah menggunakan operator tersebut untuk membuat keputusan pelbagai atribut.

Ngai dan Wat (2003) pula telah melakukan kajian tentang pemilihan hotel. Kajian tentang pemilihan hotel tersebut ialah dengan menggunakan sistem pakar kabur. Sistem pakar kabur ialah sistem pakar yang menggunakan logik kabur untuk menggantikan logik boolean.

Chou *et al.* (2008) telah membuat kajian tentang pemilihan penempatan hotel pelancong antarabangsa. Kajian tersebut telah menggunakan model keputusan multi-kriteria kabur untuk memilih penempatan hotel yang terbaik.

Jae dan Moon (2002) pula telah membuat kajian tentang strategi pengurusan kemalangan teruk. Di dalam kajian tersebut, Jae dan Moon telah menggunakan kaedah pembuatan keputusan kabur untuk menilai strategi pengurusan kemalangan teruk.

BAB 3**METODOLOGI****3.1 Teori Set Kabur**

Takrif 1: Suatu set kabur A dalam E adalah ditakrifkan sebagai berikut


$$A = \{ \langle x, \mu_A(x) \rangle \mid x \in E \}. \quad (1)$$

Teori set kabur mentakrifkan set keahlian sebagai satu taburan kemungkinan. Peraturan am bagi set kabur boleh dinyatakan sebagai:

$$f : [0,1]^n \rightarrow [0,1]$$

di mana n suatu nombor kebarangkalian.

Set kabur dalam set semester U dicirikan dengan fungsi keahlian $\mu_z(x)$ yang mengambil nilai dalam selang $[0,1]$. Simbol $\mu_z : x \rightarrow [0,1]$ menggambarkan darjah keahlian sesuatu hubungan dalam set kabur. Contohnya, jika $\mu_{z_1}(x) = 0.1$ dan $\mu_{z_2}(x) = 0.9$, ini menunjukkan darjah keahlian $\mu_{z_1}(x)$ adalah lebih rendah berbanding darjah keahlian $\mu_{z_2}(x)$ yang hampir menuju kepada nilai 1. Kesimpulannya, semakin $\mu_z(x)$ menghampiri nilai 1, maka semakin tinggi darjah keahlian x dalam Z dan semakin $\mu_z(x)$ menghampiri nilai 0, maka semakin rendahlah darjah keahlian x dalam Z .



Rajah 3.1: Fungsi keahlian set kabur

Rajah 3.1 menunjukkan fungsi keahlian set kabur dengan fungsi keahlian yang mewakili satu peringkat yang kabur biasanya diwakili oleh μ . Untuk satu unsur X , nilai $\mu(x)$ merupakan darjah keahlian x dalam kumpulan keahlian kabur. Darjah keahlian, $\mu(x)$ mentafsirkan gred bagi keahlian unsur x untuk kumpulan kabur. Jika nilai 0 ia bermaksud bahawa x bukan ahli kumpulan kabur dan jika nilai 1 bermaksud bahawa x ialah sepenuhnya ahli kumpulan kabur. Nilai di antara 0 dan 1 mencirikan keahlian kabur.

3.2 Teori Set Kabur Intuisyenistik

Takrif 2: Suatu set kabur intuisyenistik A dalam E adalah ditakrifkan sebagai berikut

$$A = \{ \langle x, \mu_A(x), \nu_A(x) \rangle \mid x \in E \}, \quad (2)$$

dengan fungsi:

$$\mu_A(x) : E \rightarrow [0,1]$$

dan

$$\nu_A(x) : E \rightarrow [0,1]$$

mentakrifkan darjah keahlian dan darjah bukan keahlian unsur $x \in E$ dengan

$$0 \leq \mu_A(x) + \nu_A(x) \leq 1.$$

Dengan jelas, setiap set kabur biasa boleh ditulis sebagai

$$\{\langle x, \mu_A(x), 1 - \mu_A(x) \rangle \mid x \in E\}. \quad (3)$$

Takrif 3: Nilai

$$\pi_A(x) = 1 - \mu_A(x) - \nu_A(x) \quad (4)$$

ialah dikenali sebagai indeks intuisyenistik atau darjah keraguan $x \in E$ kepada set kabur intuisyenistik A .

Dengan jelas, dalam kes set-set kabur yang biasa, $\pi_A(x) = 0$ untuk setiap $x \in E$.

3.3 Ulasan Hubungan-hubungan Keutamaan

Untuk satu masalah membuat keputusan, biarkan $X = \{x_1, x_2, \dots, x_n\}$ menjadi alternatif-alternatif set berasingan. Dalam proses membuat keputusan, seseorang itu umumnya perlu untuk menyediakan keutamaan mereka kepada setiap pasang alternatif-alternatif, seterusnya membina satu hubungan keutamaan, di mana boleh ditakrifkan sebagai berikut:

Takrif 4: Suatu hubungan keutamaan P pada kumpulan X dicirikan oleh $\mu_p : X \times X \rightarrow D$, di mana D adalah domain perwakilan darjah-darjah keutamaan.

Hubungan-hubungan ini boleh dikelaskan ke dalam dua kategori berikut:

- (1) Hubungan keutamaan multiplikatif: Satu hubungan keutamaan berdaraban P pada set X diwakili oleh satu matrik salingan $P = (p_{ij})_{n \times n} \subset X \times X$ dengan
- $$p_{ij} > 0, p_{ij} \cdot p_{ji} = 1, p_{ii} = 1, \quad \text{untuk semua } i, j = 1, 2, \dots, n \quad (5)$$

di mana p_{ij} dijelaskan sebagai nisbah keutamaan alternatif x_i untuk x_j . Dalam khususnya, $p_{ij} = 1$ menunjukkan ketidakacuhan antara x_i dan x_j , $p_{ij} > 1$ menunjukkan bahawa x_i adalah lebih sesuai untuk x_j , dan $p_{ij} < 1$ menunjukkan bahawa x_j adalah lebih sesuai untuk x_i .

(2) Hubungan keutamaan kabur: Suatu hubungan keutamaan kabur R dalam set X adalah diwakili oleh matrik pelengkap $R = (r_{ij})_{n \times n} \subset X \times X$ dengan

$$r_{ij} \geq 0, r_{ij} + r_{ji} = 1, r_{ii} = 0.5 \quad \text{untuk semua } i, j = 1, 2, \dots, n \quad (6)$$

di mana r_{ij} menandakan darjah keutamaan alternatif x_i ke atas x_j . Khususnya, $r_{ij} = 0.5$ menunjukkan ketidakacuhan di antara x_i dan x_j , $r_{ij} > 0.5$ menunjukkan bahawa x_i adalah lebih sesuai dengan x_j , dan $r_{ij} < 0.5$ menunjukkan bahawa x_j adalah lebih sesuai dengan x_i .

(3) Hubungan keutamaan linguistik: Pertimbangkan satu terhingga dan label linguistik taburan tertib set $S = \{s_i \mid i = -t, \dots, t\}$, yang mana s_i menunjukkan pembolehubah linguistik dan memenuhi sifat-sifat tersebut: (1) set ialah tertib: $s_i > s_j$ jika $i > j$; (2) itu ialah ketiadaan operator: $\text{neg}(s_i) = s_{-i}$. Untuk mengekalkan segala maklumat yang diberikan, label set S berasingan sepatutnya dikembangkan kepada label berterusan set $\bar{S} = \{s_\alpha \mid \alpha \in [-q, q]\}$, yang mana $q (q > t)$ adalah angka positif besar dengan mencukupi. Jika $s_\alpha \in S$, kemudian s_α dinamakan satu label linguistik yang asli, jika tidak, s_α dinamakan satu label linguistik yang mutlak. Secara umum, DM mengguna label-label linguistik asli untuk menilai alternatif-alternatif, dan label-label linguistik mutlak cuma muncul dalam operasi. Pertimbangkan mana-mana dua label linguistik $s_\alpha, s_\beta \in \bar{S}$, ditakrifkan peraturan-peraturan cara kerja seperti berikut: (1) $s_\alpha \oplus s_\beta = s_{\alpha+\beta}$; (2) $\lambda s_\alpha = s_{\lambda\alpha}$, $\lambda \in [1, 0]$. Hubungan keutamaan linguistik L pada set X diwakili oleh matrik keputusan linguistik $L = (l_{ij})_{n \times n} \subset X \times X$ dengan

$$l_{ij} \in \bar{S}, \quad l_{ij} \oplus l_{ji} = s_0, \quad l_{ii} = s_0, \quad \text{untuk semua } i, j = 1, 2, \dots, n \quad (7)$$

yang mana l_{ij} menandakan darjah keutamaan alternatif x_i ke atas x_j . Khususnya, $l_{ij} = s_0$ menunjukkan kelalaian antara x_i dan x_j , $l_{ij} > s_0$ menunjukkan bahawa x_i lebih diutamakan kepada x_j , dan $l_{ij} < s_0$ menunjukkan bahawa x_j lebih diutamakan kepada x_i .

3.4 Hubungan Keutamaan Intuisyenistik

Takrif 5: Jika A_1 dan A_2 adalah dua set kabur intuisyenistik, maka

- (1) $\bar{A}_1 = \{ \langle y, v_{A_1}(y), \mu_{A_1}(y) \rangle \mid y \in Y \}$.
- (2) $A_1 + A_2 = \{ \langle y, \mu_{A_1}(y) + \mu_{A_2}(y) - \mu_{A_1}(y) \cdot \mu_{A_2}(y), v_{A_1}(y) \cdot v_{A_2}(y) \rangle \mid y \in Y \}$.
- (3) $A_1 \cdot A_2 = \{ \langle y, \mu_{A_1}(y) \cdot \mu_{A_2}(y), v_{A_1}(y) + v_{A_2}(y) - v_{A_1}(y) \cdot v_{A_2}(y) \rangle \mid y \in Y \}$.
- (4) $\lambda A_1 = \{ \langle y, 1 - (1 - \mu_{A_1}(y))^\lambda, (v_{A_1}(y))^\lambda \rangle \mid y \in Y \}, \lambda > 0$.
- (5) $A_1^\lambda = \{ \langle y, (\mu_{A_1}(y))^\lambda, 1 - (1 - v_{A_1}(y))^\lambda \rangle \mid y \in Y \}, \lambda > 0$.

Seterusnya, memperkenalkan konsep hubungan keutamaan intuisyenistik:

Takrif 6: Suatu hubungan keutamaan intuisyenistik B pada set X adalah diwakili oleh suatu matrik $B = (b_{ij})_{n \times n} \subset X \times X$ dengan $b_{ij} = \langle (x_i, x_j), \mu(x_i, x_j), v(x_i, x_j) \rangle$ untuk semua $i, j = 1, 2, \dots, n$. Biarkan $b_{ij} = (\mu_{ij}, v_{ij})$, untuk semua $i, j = 1, 2, \dots, n$, di mana b_{ij} adalah suatu nilai kabur intuisyenistik, terdiri daripada darjah kepastian μ_{ij} yang mana x_i lebih sesuai kepada x_j dan darjah kepastian v_{ij} yang mana x_i tidak diutamakan untuk x_j , dan $\pi_{ij} = 1 - \mu_{ij} - v_{ij}$ menjelaskan sebagai darjah keraguan untuk yang mana x_i adalah sesuai untuk x_j . Tambahan pula, μ_{ij} dan v_{ij} memenuhi ciri-ciri berikut:

$$0 \leq \mu_{ij} + v_{ij} \leq 1, \quad \mu_{ji} = v_{ij}, \quad v_{ji} = \mu_{ij}, \quad \mu_{ii} = v_{ii} = 0.5 \quad \text{untuk semua } i, j = 1, 2, \dots, n \quad (8)$$

Takrif 7: Jika $b_{ij} = (\mu_{ij}, v_{ij})$ dan $b_{kl} = (\mu_{kl}, v_{kl})$ adalah dua nilai kabur intuisyenistik, kemudian

- (1) $\bar{b}_{ij} = (v_{ij}, \mu_{ij})$.
- (2) $b_{ij} + b_{kl} = (\mu_{ij} + \mu_{kl} - \mu_{ij} \cdot \mu_{kl}, v_{ij} \cdot v_{kl})$.
- (3) $b_{ij} \cdot b_{kl} = (\mu_{ij} \cdot \mu_{kl}, v_{ij} + v_{kl} - v_{ij} \cdot v_{kl})$.
- (4) $\lambda b_{ij} = (1 - (1 - \mu_{ij})^\lambda, v_{ij}^\lambda), \lambda > 0$.
- (5) $b_{ij}^\lambda = (\mu_{ij}^\lambda, 1 - (1 - v_{ij})^\lambda), \lambda > 0$.

Berdasarkan pada takrif 7, didapati

Teorem 1: Jika $b_{ij} = (\mu_{ij}, \nu_{ij})$ dan $b_{kl} = (\mu_{kl}, \nu_{kl})$ ada dua nilai kabur intuisyenistik, dan jika $c_{rs} = b_{ij} + b_{kl}$, $\dot{c}_{rs} = b_{ij} \cdot b_{kl}$, $d_{ij} = \lambda b_{ij}$ dan $\dot{d}_{ij} = b_{ij}^\lambda$ ($\lambda > 0$), kemudian semua c_{rs} , \dot{c}_{rs} , d_{ij} dan \dot{d}_{ij} adalah juga nilai-nilai kabur intuisyenistik, dan

- (1) $b_{ij} + b_{kl} = b_{kl} + b_{ij}$.
- (2) $b_{ij} \cdot b_{kl} = b_{kl} b_{ij}$.
- (3) $\lambda(b_{ij} + b_{kl}) = \lambda b_{ij} + \lambda b_{kl}$, $\lambda > 0$.
- (4) $(b_{ij} \cdot b_{kl}) = b_{ij}^\lambda \cdot b_{kl}^\lambda$, $\lambda > 0$.
- (5) $\lambda_1 b_{ij} + \lambda_2 b_{ij} = (\lambda_1 + \lambda_2) b_{ij}$, $\lambda_1, \lambda_2 > 0$.
- (6) $b_{ij}^{\lambda_1} \cdot b_{ij}^{\lambda_2} = (b_{ij})^{\lambda_1 + \lambda_2}$, $\lambda_1, \lambda_2 > 0$.

Takrif 8: Jika $B = (b_{ij})_{n \times n}$ menjadi hubungan keutamaan intuisyenistik, jika hubungan tersebut memenuhi transitiviti berdaraban:

$$b_{ij} = b_{ik} \cdot b_{kj} \quad \text{untuk semua } i, j, k = 1, 2, \dots, n \quad (9)$$

kemudian B dipanggil hubungan keutamaan intuisyenistik konsisten.

Hubungan keutamaan intuisyenistik konsisten boleh dijelaskan seperti berikut:

Untuk semua i, j, k , alternatif x_i ialah lebih baik untuk x_j dengan nilai kabur intuisyenistik b_{ij} haruslah sama dengan keutamaan bila menggunakan alternatif perantara x_k .

Hubungan keutamaan intuisyenistik mempunyai sifat-sifat berikut:

Teorem 2: Jika B^T menjadi pertukaran hubungan keutamaan intuisyenistik B , kemudian $B^T = B$.

Bukti. Diikuti secara langsung daripada Takrif 6 dan 7.

Teorem 3: Jika $B = (b_{ij})_{n \times n}$ menjadi hubungan keutamaan intuisyenistik, jika baris i th dan lajur i th dibuang daripada B , kemudian hubungan keutamaan terdiri daripada baki $(n-1)$ baris dan $(n-1)$ lajur B ialah juga hubungan keutamaan intuisyenistik.

Bukti. Diikuti secara langsung daripada Takrif 6

Fungsi skor Δ nilai kabur intuisyenistik $b_{ij} = (\mu_{ij}, \nu_{ij})$, ditunjukkan seperti berikut:

$$\Delta(b_{ij}) = \mu_{ij} - \nu_{ij} \quad (10)$$

dengan $\Delta(b_{ij})$ adalah skor b_{ij} , dan $\Delta(b_{ij}) \in [-1, 1]$. Skor yang tinggi $\Delta(b_{ij})$, nilai kabur intuisyenistik terbesar b_{ij} .

Fungsi tepat ditakrifkan

$$H(b_{ij}) = \mu_{ij} + \nu_{ij} \quad (11)$$

untuk menilaikan darjah tepat nilai kabur intuisyenistik b_{ij} , dengan $H(b_{ij}) \in [0, 1]$.

Lebih besar nilai $H(b_{ij})$, lebih besar nilai darjah tepat kabur intuisyenistik b_{ij} .

Seperti dijelaskan di atas, fungsi skor Δ dan fungsi tepat H adalah masing-masing ditakrifkan berbeza dan jumlah darjah ketentuan untuk yang mana satu alternatif ialah lebih baik untuk yang lain dan darjah ketentuan untuk yang mana satu alternatif adalah tidak baik untuk yang lain. Hubungan antara fungsi skor Δ dan fungsi tepat H adalah sama dengan hubungan antara min dan varians dalam statistik. Berdasarkan fungsi skor Δ dan fungsi tepat H , untuk yang berikut, memperkenalkan aturan hubungan antara sebarang pasang nilai-nilai kabur intuisyenistik.

Takrif 9: Jika $b_{ij} = (\mu_{ij}, \nu_{ij})$ dan $b_{kl} = (\mu_{kl}, \nu_{kl})$ menjadi dua nilai kabur intuisyenistik, $\Delta(b_{ij}) = \mu_{ij} - \nu_{ij}$ dan $\Delta(b_{kl}) = \mu_{kl} - \nu_{kl}$ menjadi skor b_{ij} dan b_{kl} , masing-masing, dan jika $H(b_{ij}) = \mu_{ij} + \nu_{ij}$ dan $H(b_{kl}) = \mu_{kl} + \nu_{kl}$ menjadi darjah tepat b_{ij} dan b_{kl} , masing-masing, maka

- Jika $\Delta(b_{ij}) < \Delta(b_{kl})$, maka b_{ij} adalah lebih kecil daripada b_{kl} , dinyatakan sebagai $b_{ij} < b_{kl}$;
- Jika $\Delta(b_{ij}) = \Delta(b_{kl})$, kemudian

(1) Jika $H(b_{ij}) = H(b_{kl})$, kemudian b_{ij} dan b_{kl} menunjukkan maklumat yang sama, dinyatakan sebagai $b_{ij} = b_{kl}$;

- (2) Jika $H(b_{ij}) < H(b_{kl})$, kemudian b_{ij} adalah lebih kecil daripada b_{kl} , dinyatakan sebagai $b_{ij} < b_{kl}$.

Berdasarkan Takrif 6, 7 dan 9, didapati

Sifat (I). Jika $B = (b_{ij})_{n \times n}$ menjadi hubungan keutamaan intuisyenistik, di mana $b_{ij} = (\mu_{ij}, \nu_{ij}), i, j = 1, 2, \dots, n$, maka

- (1) Jika $b_{ik} + b_{kj} \geq b_{ij}$ untuk semua $i, j, k = 1, 2, \dots, n$. maka B dikatakan memenuhi syarat segitiga. Syarat ini boleh diterangkan secara geometri, iaitu, jika mengambil alternatif-alternatif x_i, x_k dan x_j untuk bucu-bucu segi tiga dengan bahagian-bahagian panjang b_{ik}, b_{kj} dan b_{ij} , kemudian kepanjangan selaras dengan bucu-bucu x_i, x_j tidak sepatutnya melebihi jumlah panjang selaras dengan bucu-bucu x_i, x_k dan x_k, x_j .
- (2) Jika $b_{ik} \geq (0.5, 0.5), b_{kj} \geq (0.5, 0.5) \Rightarrow b_{ij} \geq (0.5, 0.5)$, untuk semua $i, j, k = 1, 2, \dots, n$, maka B dikatakan memenuhi sifat ketransitifan lemah. Sifat ini boleh dijelaskan seperti berikut: Jika alternatif x_i adalah lebih utamak berbanding x_k , dan x_k adalah lebih utamak berbanding x_j , maka x_i adalah lebih utama berbanding x_j .
- (3) Jika $b_{ij} \geq \min\{b_{ik}, b_{kj}\}$, untuk semua $i, j, k = 1, 2, \dots, n$, maka B dikatakan memenuhi sifat ketransitifan max–min. Sifat ketransitifan max–min adalah nilai kabur intuisyenistik yang diperoleh daripada perbandingan langsung antara dua alternatif-alternatif seharusnya sama dengan atau lebih besar daripada nilai-nilai separa minimum diperoleh daripada membandingkan kedua-dua alternatif dengan perantaraannya.
- (4) Jika $b_{ij} \geq \max\{b_{ik}, b_{kj}\}$, untuk semua $i, j, k = 1, 2, \dots, n$, maka B dikatakan memenuhi sifat ketransitifan max–max. Sifat ketransitifan max–max boleh diterangkan seperti berikut: Nilai kabur Intuitionistik diperoleh daripada perbandingan langsung antara dua alternatif seharusnya sama dengan atau lebih besar daripada nilai separa maksimum diperoleh daripada membandingkan kedua-dua alternatif dengan perantaraannya.

(5) Jika $b_{ik} \geq (0.5, 0.5)$, $b_{kj} \geq (0.5, 0.5) \Rightarrow b_{ij} \geq \min\{b_{ik}, b_{kj}\}$ untuk semua $i, j, k = 1, 2, \dots, n$, maka B dikatakan memenuhi sifat ketransitifan max–min terhad. Sifat ketransitifan max–min terhad boleh dijelaskan dalam cara berikut: Apabila alternatif x_i adalah lebih utamak berbanding x_k dengan satu nilai kabur intuisyenistik b_{ik} , dan x_k adalah lebih utama berbanding x_j dengan satu nilai b_{kj} , kemudian x_i sepatutnya menjadi lebih utama berbanding x_j dengan sekurang-kurangnya nilai kabur intuisyenistik b_{ij} sama dengan nilai-nilai minimum di atas. Dengan kesetaraan hanya apabila di situ terdapat kelalaian antara sekurang-kurangnya dua daripada tiga alternatif.

